

PEKELILING NAIB CANSOLOR

Bilangan 05 Tahun 2025

GARIS PANDUAN JAWATANKUASA PELANTIKAN PANEL PEGUAM DAN PENGENDALIAN KES UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk menggariskan prosedur terkini yang berkaitan dengan pelantikan panel peguam UiTM dan pengendalian kes UiTM.

LATAR BELAKANG

2. Pewujudan panel peguam sememangnya telah diamalkan oleh kebanyakan badan-badan berkanun, syarikat dan organisasi lain yang mempunyai pelbagai perkara perundangan untuk ditangani oleh panel peguam yang dipilih tersebut.
3. UiTM boleh melantik panel peguam untuk tujuan penyediaan perkhidmatan guaman sama ada dari segi pengendalian kes-kes litigasi di Mahkamah, penasihat isu-isu perundangan dan juga pengendalian hal ehwal *conveyancing*, selaras dengan Seksyen 11 Akta Universiti Teknologi MARA (Akta 173) bahawa:

“Universiti boleh mengguna khidmat dan membayar ... peguam bela dan peguam cara ..., untuk menjalankan urusannya atau melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki untuk dijalankan atau dilakukan dalam melaksanakan kewajipannya atau bagi menjalankan maksud Akta ini dengan lebih baik.”

4. Semua lantikan panel peguam dan peguam yang mengendalikan kes / perkara UiTM hendaklah tertakluk kepada garis panduan ini serta melalui Jabatan Undang-Undang.

5. Jenis-jenis khidmat guaman yang boleh dikendalikan oleh panel peguam yang dilantik adalah termasuk perkara-perkara berikut:

- 5.1 Kes litigasi sivil oleh badan berkanun terhadap pihak lain yang ingin disaman;
- 5.2 Kes litigasi sivil bagi pihak badan berkanun yang disaman oleh pihak lain;
- 5.3 Kerja-kerja penasihat (advisory) perundangan;
- 5.4 Kerja-kerja pemindahhakkan (conveyancing) yang melibatkan urusan perundangan dan pentadbiran berkaitan pembiayaan, pindah milik hartanah serta urusan-urusan hartanah yang berkaitan;
- 5.5 Kerja-kerja perundangan korporat yang melibatkan kajian *corporate due diligence*;
- 5.6 Kerja-kerja penggubalan undang-undang; dan
- 5.7 Kerja-kerja penyediaan kontrak dan perjanjian.

6. Majlis Eksekutif Universiti (MEU) melalui mesyuarat bil.15 / 2017 pada 21 Jun 2017 telah meluluskan Garis Panduan Pelantikan Panel Peguam UiTM yang diedarkan melalui Pekeliling Naib Canselor bil. 05 / 2017. Ini disusuli kelulusan pindaan kepada garis panduan berkenaan di dalam mesyuarat bil. 29 / 2020 pada 11 November 2020 dan akhirnya pindaan terkini yang diluluskan dalam mesyuarat bil. 02 / 2025 pada 15 Januari 2025.

KELAYAKAN PELANTIKAN

7. Firma guaman yang ingin dilantik hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- 7.1 Firma perkongsian iaitu firma yang mengandungi lebih dari seorang rakan kongsi dan bukan firma milikan tunggal;
- 7.2 Salah seorang rakan kongsi adalah berbangsa Melayu atau Bumiputera Sabah dan / atau Sarawak;

- 7.3 Sekurang-kurang seorang rakan kongsi merupakan alumni UiTM;
 - 7.4 Mempunyai peguam yang berpengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam amalan guaman;
 - 7.5 Berpengalaman mengendalikan kes seperti yang diberikan oleh pihak UiTM;
 - 7.6 Berkemampuan serta bersedia untuk mewakili UiTM dan menjaga kepentingan UiTM seperti yang dikehendaki oleh UiTM; dan
 - 7.7 Firma guaman yang stabil dan kukuh.
8. Untuk tujuan lantikan bagi mengendalikan sesuatu kes/perkara perundangan, ianya akan dibuat berdasarkan kepada kepakaran masing-masing serta kebolehan mereka mengendalikan sesuatu perkara / kes yang pada pandangan Jabatan Undang-Undang UiTM boleh melindungi kepentingan UiTM.

PROSEDUR LANTIKAN

9. Lantikan sebagai panel peguam boleh dipertimbangkan atas permohonan oleh sesuatu firma guaman yang melampirkan profil lengkap firma yang mengandungi:
- 9.1 Nama firma.
 - 9.2 Tarikh firma ditubuhkan.
 - 9.3 Senarai peguam.
 - 9.4 Bidang kepakaran setiap peguam.
 - 9.5 Butiran sijil amalan setiap peguam.
 - 9.6 Insuran indemniti profesional.
 - 9.7 Sebut harga penuh mengikut kes.

10. Permohonan firma peguam hendaklah diteliti terlebih dahulu oleh Jabatan Undang-Undang.

11. Pelantikan panel peguam UiTM dan pengendalian kes UiTM dilaksanakan oleh jawatankuasa yang dinamakan sebagai Jawatankuasa Pelantikan Panel Peguam UiTM dan Pengendalian Kes UiTM.

12. Bagi prosedur pelantikan peguam untuk mengendalikan kes / perkara UiTM, sebut harga mengikut keperluan kes / perkara tersebut hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Undang-Undang bagi tujuan penilaian oleh Jawatankuasa Pelantikan Panel Peguam UiTM dan Pengendalian Kes UiTM.

13. Carta aliran prosedur kerja berkaitan pelantikan panel peguam UiTM ini dan pelantikan untuk pengendalian kes UiTM adalah seperti di Lampiran 1.

SYARAT-SYARAT LANTIKAN

14. Perkara-perkara yang akan dikendalikan boleh meliputi perkara/kes perundangan yang dinyatakan di bawah perenggan 5 di atas.

15. Bagi setiap kes sivil, pihak panel peguam dikehendaki mengemukakan kepada UiTM salinan dokumen-dokumen berikut:

15.1 Pernyataan Tuntutan / Pernyataan Pembelaan;

15.2 Penghakiman / Perintah; dan

15.3 Kertas-kertas prosiding Mahkamah dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan kes tersebut.

16. Setiap perkembangan dalam setiap kes sivil atau perkara pemindahhakan yang diberikan kepada panel peguam untuk mengendalikannya, hendaklah dilaporkan kepada pihak UiTM.

17. Panel peguam hendaklah membuat laporan bulanan kepada pihak UiTM dalam minggu pertama pada setiap bulan kalendar mengenai setiap kes sivil yang dikendalikan oleh mereka.

18. Pelantikan akan berkuat kuasa sebaik sahaja UiTM memaklumkan secara bertulis kepada firma guaman yang dilantik.

19. Sepanjang tempoh lantikan, firma panel peguam tidak dibenarkan mewakili mana-mana pihak ketiga menentang UiTM atau mewakili mana-mana pihak ketiga dalam apa-apa transaksi yang melibatkan atau menjejaskan hak dan kepentingan UiTM.

LANTIKAN SECARA AD-HOC

20. Terdapat keperluan untuk lantikan firma guaman secara ad-hoc terutamanya bagi situasi-situasi:

- 20.1 Keperluan untuk pengendalian kes Mahkamah di negeri-negeri lain;
Keperluan untuk pengendalian urusan *conveyancing* di negeri-negeri lain;
- 20.2 Terdapat isu jarak dan logistik bagi firma guaman di Lembah Klang untuk pengendalian kes Mahkamah atau urusan *conveyancing* di Negeri-Negeri di Kampus Cawangan;
- 20.3 Sebagai suatu tempoh percubaan dan pemerhatian kepada prestasi firma guaman melalui pengendalian satu / dua kes atau urusan sebelum lantikan secara tetap sebagai panel peguam;
- 20.4 Terdapat kes atau urusan yang melibatkan kepakaran perundangan yang tertentu yang amat jarang berlaku atau timbul yang tidak memerlukan lantikan secara tetap sebagai panel peguam.
- 20.5 Sebagai kesinambungan kepada kes atau urusan yang pernah dikendalikan oleh peguam yang sama ketika di firma guaman yang lama sebelum menyertai firma guaman lain.

21. Lantikan secara ad-hoc hendaklah berlaku secara maksimum untuk pengendalian sebanyak dua (2) kes Mahkamah atau urusan *conveyancing* sahaja.

22. Bagi lantikan secara ad-hoc ini, kelonggaran diberikan dari pematuhan sepenuhnya syarat-syarat kelayakan di bawah perenggan 7 di atas tertakluk kepada kelulusan oleh Jawatankuasa Pelantikan Panel Peguam UiTM dan Pengendalian Kes UiTM.

TEMPOH LANTIKAN

23. Tempoh pelantikan adalah berkuat kuasa mulai tarikh lantikan dibuat.

24. Pihak UiTM berhak menamatkan pelantikan sebagai panel peguam melalui mana-mana cara berikut:

24.1 pada bila-bila masa melalui notis 24-jam kepada firma guaman berkenaan; atau

24.2 apabila tempoh lantikan atau lanjutan sebagai panel peguam telah luput; atau

24.3 dengan memberikan panel peguam notis tiga puluh (30) hari secara bertulis.

25. Pihak panel peguam juga boleh menamatkan perkhidmatan sebagai Peguam Panel dengan mengemukakan kepada UiTM tiga (3) bulan notis bertulis.

26. Tempoh lantikan sebagai panel peguam ini hendaklah berkuat kuasa selama dua (2) tahun sahaja dengan pertimbangan untuk pelanjutan tempoh boleh diberikan hanya sekiranya:

26.1 Ada permohonan untuk perlanjutan dari firma peguam berkenaan;

26.2 Memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Pekeliling ini; dan

26.3 Mempamerkan prestasi yang memuaskan sepanjang pengendalian kes / urusan untuk dan bagi pihak UiTM.

- 26.4 Surat kelulusan pelanjutan tempoh sebagai panel peguam akan ditandatangani oleh Penasihat Undang-Undang Universiti UiTM kepada firma guaman yang berkenaan setelah diputuskan oleh Jawatankuasa Pelantikan Panel Peguam UiTM dan Pengendalian Kes UiTM.

PEMBAYARAN YURAN GUAMAN DAN DISBURSEMENTS

27. Pembayaran adalah mengikut:

- 27.1 Aturan 59, Apendiks, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.
- 27.2 Perintah Saraan Peguam Cara 2005, Akta Profesion Undang-Undang 1976.
- 27.3 Undang-undang lain yang berkaitan, relevan dan berkuat kuasa di Malaysia.
- 27.4 Pembayaran-pembayaran lain yang dipersetujui bersama oleh pihak panel peguam dan pihak UiTM.

28. Bayaran akan hanya dibuat oleh pihak UiTM setelah pihak UiTM mengambil keputusan untuk memulakan tindakan kes undang-undang atau urusan pemindahhakkan dan bukan sebelum kes atau urusan dimulakan.

29. Semua bil guaman hendaklah dibayar oleh Pusat Tanggungjawab (PTj) yang daripadanya perkara / kes perundangan itu berasal, setelah dinilai dan disemak keteraturannya oleh pegawai dari Jabatan Undang-Undang.

30. Bil guaman hendaklah dikemukakan melalui Jabatan Undang-Undang, UiTM yang kemudiannya akan dipanjangkan kepada PTj yang berkenaan.

31. Sekiranya pihak UiTM mendapati kadar bayaran yang diminta oleh pihak panel peguam adalah terlalu tinggi dan tidak munasabah, firma guaman yang berkenaan akan diminta untuk mengemukakan bil yuran guaman yang baharu dengan yuran yang telah disemak semula.

LAIN-LAIN PERKARA

32. Setiap kes yang dirujuk kepada panel peguam hendaklah diambil tindakan segera.
33. Setiap notis tuntutan undang-undang hendaklah dihantar kepada pihak yang dituntut dalam tempoh masa tidak melebihi tujuh (7) hari dan tarikh arahan diterima dan dokumen lengkap diterima.
34. Tindakan undang-undang (Pemfailan Saman dan Pernyataan Tuntutan) hendaklah dimulakan oleh panel peguam dalam tempoh masa tidak melebihi 28 hari dari tarikh arahan diterima atau apa-apa tarikh yang lebih awal mengikut keperluan undang-undang bagi kes yang dikendalikan.
35. Sekiranya pihak UiTM mendapati pihak panel peguam melakukan kelewatan yang tidak munasabah di dalam memulakan sesuatu tindakan undang-undang setelah diarah berbuat demikian oleh pihak UiTM, maka pihak UiTM mempunyai budi bicara mutlak untuk memberikan kes berkenaan kepada Peguam Panel yang lain, setelah memberikan pihak panel peguam satu (1) minggu notis secara bertulis.
36. Setiap keputusan pihak UiTM dalam pelantikan ini adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.

TARIKH DIKELUARKAN

37. Pekeliling dikeluarkan pada 20 Mei 2025.

TARIKH KUAT KUASA

38. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai daripada tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

39. Untuk tujuan penyelarasan lantikan panel peguam UiTM dan pengendalian kes / perkara UiTM, semua PTj yang memerlukan khidmat guaman hendaklah tertakluk kepada garis panduan ini.

40. Oleh yang demikian, semua urusan pelantikan panel peguam UiTM untuk mengendalikan kes yang melibatkan semua PTj hendaklah melalui Jabatan Undang-Undang yang dinilai dan diputuskan oleh Jawatankuasa Pelantikan Panel Peguam UiTM dan Pengendalian Kes UiTM.

41. Garis panduan ini tidak terpakai kepada kes / perkara PTj yang mempunyai perlindungan insurans. Dalam hal yang melibatkan perlindungan insurans, pihak PTj hendaklah memaklumkan kepada Jabatan Undang-Undang berkenaan kes / perkara tersebut.

42. Pekeliling Naib Canselor Bil. 29 / 2020: Garis Panduan Terkini Pelantikan Panel Peguam UiTM adalah kini dibatalkan.

اوسها، تقوى، موليا

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(PROFESOR DATUK Ts. DR. SHAHRIN BIN SAHIB @ SAHIBUDDIN, FASc)
Naib Canselor

Dikelilingkan Kepada:

- Majlis Eksekutif Universiti
- Semua Rektor UiTM Cawangan
- Semua Penolong Naib Canselor
- Semua Dekan Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Pengarah Pusat
- Semua Ketua Bahagian / Jabatan / Pusat / Unit

Bil. Fail : UiTM.100-1/10/2

No. Siri : UiTM.100-1/3/1(5)

CARTA ALIR PROSES			
Pelantikan Panel Peguam UiTM			
Tanggungjawab	Aliran Kerja	Proses Kerja	Rekod Kualiti
Pemohon	<pre> graph TD Start(()) --> U1[Unit Litigasi] U1 --> D1{ } D1 --> U2[Unit Litigasi] U2 --> D2{ } D2 --> End(()) </pre>	Permohonan menjadi panel peguam diterima.	Surat Permohonan / Kertas Kerja
Unit Litigasi		Permohonan disemak bagi memastikan semua syarat dan kriteria ditetapkan dipenuhi.	Surat Permohonan / Kertas Kerja
Unit Litigasi		[Sekiranya Lengkap] Laporan pengesyoran dikeluarkan oleh Jabatan Undang-Undang untuk dibawa ke Jawatankuasa. [Sekiranya Tidak Lengkap] Surat pemakluman penolakan pelantikan dikeluarkan kepada pemohon.	Laporan Pengesyoran / Surat Keputusan
Unit Litigasi		Laporan pengesyoran dikemukakan kepada Jawatankuasa Pelantikan Panel Peguam UiTM.	Surat Irian / Pekeliling
Jawatankuasa Pelantikan Panel Peguam UiTM		[Sekiranya Diluluskan] Surat pemakluman kelulusan pelantikan dikeluarkan kepada pemohon. [Sekiranya Tidak Diluluskan] Surat pemakluman penolakan pelantikan dikeluarkan kepada pemohon.	Surat Keputusan
Unit Litigasi		Dokumen lengkap direkodkan dalam senarai dan difailkan.	Fail Rekod Kualiti

CARTA ALIR PROSES			
Pelantikan Pengendalian Kes UiTM			
Tanggungjawab	Aliran Kerja	Proses Kerja	Rekod Kualiti
Pemohon	<pre> graph TD Start(()) --> U1[Unit Litigasi] U1 --> U2[Unit Litigasi] U2 --> U3[Unit Litigasi] U3 --> JPP[Pelantikan Panel Peguam UiTM] JPP --> U4(()) </pre>	Permohonan khidmat guaman diterima.	Surat Permohonan / Kertas Kerja
Unit Litigasi		Permohonan disemak bagi memastikan semua syarat dan kriteria ditetapkan dipenuhi.	Surat Permohonan / Kertas Kerja
Unit Litigasi		Sebut harga yuran guaman diperoleh dari firma guaman.	Sebut Harga Yuran Firma Guaman
Unit Litigasi		Permohonan khidmat guaman dikemukakan kepada Jawatankuasa Pelantikan Panel Peguam dan Pengendalian Kes UiTM.	Surat Iringan / Pekeliling
Jawatankuasa Pelantikan Panel Peguam UiTM		[Sekiranya Diluluskan] Surat pemakluman kelulusan pelantikan dikeluarkan kepada pemohon. [Sekiranya Tidak Diluluskan] Surat pemakluman penolakan pelantikan dikeluarkan kepada pemohon.	Surat Keputusan
Unit Litigasi		Dokumen lengkap direkodkan dalam senarai dan difailkan.	Fail Rekod Kualiti